

NAMA :

TINGKATAN :

MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA
KUALA LUMPUR

MODUL TOP 5 KUALA LUMPUR 2026
PEPERIKSAAN PERCUBAAN TINGKATAN 5
SEJARAH 1249/2
Kertas 2
2 jam 30 minit (2 ½ jam)



JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

Arahan

- 1. Tulis **nama** dan **tingkatan** anda pada ruangan yang disediakan.
- 2. Kertas peperiksaan ini mengandungi **dua** bahagian: **Bahagian A** dan **Bahagian B**.
- 3. Jawab **semua** soalan **Bahagian A**. Jawapan Bahagian A hendaklah ditulis pada ruang jawapan yang disediakan di dalam kertas peperiksaan ini.
- 4. Jawab **tiga** soalan sahaja di **Bahagian B**. Jawapan Bahagian B hendaklah ditulis pada helaian kertas yang disediakan oleh pihak sekolah.
- 5. **Kertas peperiksaan** ini hendaklah diserahkan kepada pengawas peperiksaan pada akhir peperiksaan.

Untuk Kegunaan Pemeriksa			
Bahagian	Nombor Soalan	Markah Penuh	Markah Diperoleh
A Jawab semua soalan	1	10	
	2	10	
	3	10	
	4	10	
B Jawab tiga soalan sahaja	5	20	
	6	20	
	7	20	
	8	20	
	9	20	
Jumlah Markah		100	


Kertas peperiksaan ini mengandungi **12** halaman bercetak.

BAHAGIAN A

[40 markah]

Jawab **semua** soalan.

1 Rajah berikut menunjukkan hierarki sosial dalam masyarakat Kesultanan Melayu Melaka.



(a) Senaraikan **dua** golongan diperintah.

- (i)
- (ii) [2 markah]

(b) Bagaimanakah golongan pemerintah mewujudkan kesejahteraan rakyat pada zaman tersebut?

.....

.....

.....

.....

.....

..... [4 markah]

(c) Teliti peribahasa berikut.

“Bersatu kita teguh, bercerai kita roboh”

Ulaskan dalam konteks masyarakat Malaysia.

[4 markah]

2 Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum atau Communities Liaison Committee (CLC) memainkan peranan penting dalam menghimpunkan pemimpin utama masyarakat pelbagai kaum.

(a) Apakah objektif penubuhan jawatankuasa tersebut?

[2 markah]

(b) Jelaskan isu yang dibangkitkan dalam CLC.

[4 markah]

- (c) Pantun berikut boleh dikaitkan dengan manfaat yang diperoleh hasil dari usaha CLC meningkatkan kerjasama politik pelbagai kaum.

Burung helang terbang tinggi,
Hinggap sebentar di pohon sena,
Pemimpin bersepakat memimpin negeri,
Perpaduan rakyat terus terbina.

Pergi berkelah di tepi pantai,
Membawa bekal bersama rakan,
Berbilang kaum hidup harmoni,
Itulah kekuatan sebuah negara.

Beri ulasan anda.

[4 markah]

3 Yang di-Pertuan Agong adalah tonggak utama pemerintahan negara Malaysia.

(a) Bagaimanakah Yang di-Pertuan Agong dilantik?

.....
.....
.....

[2 markah]

(b) Jelaskan kuasa Yang di-Pertuan Agong dalam aspek berikut:

(i) Eksekutif

.....
.....
.....

[2 markah]

(ii) Kehakiman

.....
.....
.....

[2 markah]

- (c) Teliti pernyataan berikut.

Kesetiaan kepada raja dan negara menjadi kewajipan kepada setiap warganegara Malaysia walaupun berbeza ideologi dan perjuangan politik.

Sumber: diubah suai daripada <https://www.bhanrian.com.my/>

Ulaskan.

[4 markah]

- 4 Pembangunan dan sosioekonomi merupakan cabaran utama yang dihadapi oleh Sarawak dan Sabah selepas pembentukan Malaysia.

- (a) Nyatakan **dua** isu pembangunan dan sosioekonomi di Sarawak dan Sabah.

- (i) _____
(ii) _____
- [2 markah]

- (b) Jelaskan usaha kerajaan bagi mengatasi isu di 4 (a).

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

- (c) Infografik berikut berkaitan dengan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Malaysia pada tahun 2021.



Sumber: diubah suai daripada <https://www.mkn.gov.my/>

Jelaskan kejayaan yang Malaysia capai.

.....

.....

.....

.....

.....

.....


[4 markah]

BAHAGIAN B


[60 markah]

Jawab tiga soalan sahaja.

- 5 Rajah berikut berkaitan dengan perubahan pentadbiran yang berlaku di Tanah Melayu.




- (a) Mengapakah British memperkenalkan British Military Administration (BMA)?
[4 markah]
- (b) Bagaimanakah perlembagaan Malayan Union membolehkan British menakluki Tanah Melayu?
[8 markah]
- (c) Teliti poster berikut.



Beri ulasan anda.

[8 markah]

- 6 Pada 8 Mac 1956, kerajaan British telah mengumumkan pembentukan sebuah suruhanjaya untuk merangka Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu yang merdeka.
- (a) Terangkan peranan Suruhanjaya Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957. [6 markah]
- (b) Jelaskan inti pati yang terkandung dalam Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1957. [6 markah]
- (c) Teliti poster berikut.



Beri ulasan anda.

[8 markah]

7 Maklumat berikut berkaitan kerjasama yang wujud di antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri.

- Kerjasama penyediaan perumahan rakyat
 - Kerjasama menjamin keselamatan dan kedaulatan negara

(a) Jelaskan kerjasama kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri dalam menyediakan perumahan untuk rakyat. [6 markah]

(b) Bagaimanakah Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri menjamin keselamatan dan kedaulatan negara di Sarawak dan Sabah? [6 markah]

(c) Teliti infografik berikut.



Sumber: diubah suai daripada <https://www.penerangan.gov.my/>

Mengapakah agenda pembasmian kemiskinan diteruskan oleh pihak kerajaan? [8 markah]



8 Rukun Negara telah diisytiharkan oleh Yang di-Pertuan Agong IV pada 31 Ogos 1970.

- (a) Mengapakah Rukun Negara dibentuk? [4 markah]
- (b) Huraikan prinsip yang terkandung dalam Rukun Negara. [8 markah]
- (c) Lirik lagu berikut merupakan sebahagian daripada lagu Lima Prinsip Rukun Negara.

Lima Prinsip Rukun Negara

Lima Prinsip Rukun Negara
Harus Menjadi Cara Hidup Kita
Bukan Sekadar Ikrar Sahaja
Sekali Sekala Dibaca Semata
Lima Prinsip Rukun Negara
Telah Menjadi Teras Perpaduan
Membentuk Satu Negara
Tanpa Mengira Agama Dan Bangsa

Amalkanlah Rukun Negara
Dalam Hidup Harian Kita
Tanpa Mengira Tua Muda
Mengekalkan Warisan Kita
Lima Prinsip Rukun Negara
Telah Menjadi Teras Perpaduan
Membentuk Satu Negara
Tanpa Mengira Agama Dan Bangsa

Pencipta: Dato' Cosmas J. Abah, 2020

Ulaskan lirik lagu tersebut.

[8 markah]

[Lihat halaman sebelah
SULIT



- 9 Malaysia mengamalkan ekonomi pasaran bebas selari dengan perkembangan yang berlaku dalam ekonomi antarabangsa.
- (a) Jelaskan peranan Malaysia dalam meluaskan pasaran ekonomi antarabangsa. [6 markah]
- (b) Huraikan pelibatan Malaysia dalam mengantarabangsakan sistem kewangan Islam. [6 markah]
- (c) Teliti infografik berikut.



Sumber: <https://www.penerangan.gov.my/>
21 Mei 2020

Huraikan mesej yang terdapat dalam infografik tersebut dan cadangkan langkah untuk memperkasakan ekonomi negara kita.

[8 markah]

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT